

UMSKAL jalin hubungan baik dengan masyarakat Labuan

NST 8.3.2014 4



ROZMAN.... (lima kiri) selepas merasmikan replika bunga kebangsaan di UMSKAL.

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan terus menjalin hubungan baik dengan masyarakat tempatan yang mampu menyatupadukan masyarakat berbilang agama dan bangsa selaras dengan gagasan Malaysia.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli berkata hubungan baik itu juga turut membabitkan UMSKAL dengan jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin masyarakat

terutama ketua-ketua kampung dalam menjayakan program yang memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Beliau yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan, berkata pada tahun lalu, beliau telah beberapa kali menghadiri pelbagai program anjuran UMSKAL untuk mengetahui sendiri perkembangan pelajar, kakitangan dan pensyarah serta pembangunan fizikal di universiti ini.

"Saya berharap warga universiti akan terus memberikan khidmat bakti kepada masyarakat tempatan terutama

pelajar sekolah rendah dan menengah untuk mereka beriltizam memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya UMS pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Muhibah UMSKAL Bersama Ahli Parlimen, Pemimpin Masyarakat Dan Agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan di Podium D, Bangunan Menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN** (jainudin@newsabah-times.com.my)